

Rakyat mampu nilai sendiri himpunan 'baju merah', kata DAP
The Malaysian Insider
Sept 17, 2015
Oleh Looi Sue-Chern

Rakyat kini mampu menilai sendiri dan memutuskan pihak mana mereka mahu untuk memimpin negara selepas melihat apa yang berlaku dalam Himpunan Rakyat Bersatu semalam, kata DAP.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata rakyat seharusnya dapat merasakan perbezaan besar antara pembangkang dan Barisan Nasional (BN) daripada apa yang mereka lihat dan baca mengenai himpunan 'baju merah' semalam.

"Tiada jawapan mengenai derma RM2.6 bilion. Daripada ucapan pemimpin yang dibuat ketika perhimpunan, kita melihat mereka amat berbangga menjadi rasis dan melindungi segala skandal.

"Antara lainnya pembangkang menggalakkan identiti rakyat Malaysia, kerajaan bersih, bebas rasuah.. dan ini terpulang kepada rakyat menilai. Pemimpin BN secara terbuka berkata mereka bersifat perkauman dan tidak kisah mengenai isu rasuah," katanya kepada pemberita di Pulau Pinang hari ini ketika ditanya mengenai perhimpunan pro kerajaan semalam. – 17 September, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/rakyat-mampu-nilai-sendiri-himpunan-baju-merah-kata-dap>